

**Agong Berangkat Ke Istiadat Sambutan Hari Pahlawan
Bernama
31 Julai, 2013**

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah berangkat ke istiadat sambutan Hari Pahlawan di Dataran Merdeka.

Sebaik keberangkatan tiba Seri Paduka Baginda berdua, lagu 'Negaraku' dimainkan dan Tuanku Abdul Halim kemudian memeriksa barisan kawalan kehormatan utama diiringi 21 das tembakan meriam.

Kawalan kehormatan itu terdiri daripada 103 anggota pangkat-pangkat lain berserta empat pegawai, diketuai Mejar Amriza Ashaari dari Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja.

Sejumlah 360 orang terlibat dalam perbarisan terdiri daripada anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM), Tentera Darat Diraja Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia, Tentera Udara Diraja Malaysia, Persatuan Bekas Tentera Malaysia dan Persatuan Bekas Polis Malaysia yang diketuai Supt Shahrir Daud dari PDRM.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor, Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri Puan Sri Noorainee Abdul Rahman, Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar dan Panglima Angkatan Tentera Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin turut hadir.

Hadir sama Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Seramai 120 anggota pancaragam, masing-masing 60 dari ATM dan Pancaragam Pusat RAMD, mengambil bahagian dalam istiadat hari ini. Pancaragam PDRM diketuai Supt Alina Saad manakala Leftenan Mohd Norazizan Yahya mengetuai Pancaragam Pusat RAMD.

Istiadat diteruskan dengan tiupan 'Paluan Akhir' yang menyaksikan Jalur Gemilang diturunkan, diikuti deklamasi sajak 'Pahlawan' oleh DSP Rosbaini Kassim dan DSP Mohammad Mahat.

Turut menarik perhatian ialah persembahan pentomen khas 'Lahad Datu Berdarah' gabungan PDRM dan ATM yang mengisahkan insiden pencerobohan berdarah pengganas Sulu di Lahad Datu, Sabah pada Mac lepas.

Acara diteruskan dengan tiupan 'Paluan Fajar' dan bendera Jalur Gemilang dinaikkan semula diikuti laungan 'Daulat Tuanku' sebanyak tiga kali oleh anggota perbarisan.

Istiadat berakhir dengan acara 'Hormat Diraja' sebelum Seri Paduka berdua berangkat meninggalkan majlis.

Turut hadir pada istiadat hari ini ialah menteri-menteri kabinet dan perwakilan asing.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=967277>